



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

**KETUA EKSEKUTIF**  
**CHIEF EXECUTIVE**  
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran  
*Skills Development Fund Corporation*  
Kementerian Sumber Manusia  
*Ministry of Human Resources*  
Pejabat Ketua Eksekutif  
Aras 27, Menara Dato' Onn  
Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)  
No. 45, Jalan Tun Ismail, 50530 Kuala Lumpur.



Telefon : 03-4047 6008  
Faks : 03-4047 6108  
Laman Web : [www.ptpk.gov.my](http://www.ptpk.gov.my)  
E-mel : [skillsfund@ptpk.gov.my](mailto:skillsfund@ptpk.gov.my)

Rujukan Kami : PTPK.BB.100-5/2 Jld 4 (17)

Tarikh : 31 Januari 2022

**Pengarah Eksekutif / Pengarah / Pengurus**  
**Penyedia Latihan Yang Berdaftar Dengan PTPK**

“Salam Kemahiran”

YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

**PERMOHONAN PERKONGSIAN MAKLUMAT BEKAS PELATIH/  
ALUMNI PENYEDIA LATIHAN (PL) DENGAN PERBADANAN TABUNG  
PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (PTPK)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara seperti tersebut di atas.

2. Merujuk kepada Majlis Bersama Penyedia Latihan Yang Berdaftar dengan PTPK Bil.1/2022 yang telah diadakan pada 26 Januari 2022 bertempat di Auditorium Blok D8, Kompleks D, Putrajaya yang meminta supaya setiap PL mengemukakan maklumat pekerjaan dan maklumat terkini bekas pelatih PL yang merupakan peminjam PTPK. Ia bertujuan untuk membantu PTPK mengesan peminjam dan membuat tuntutan kepada peminjam untuk dalam usaha meningkatkan kutipan bayaran balik pinjaman melalui kerjasama strategik ini.

3. Sehubungan itu, mohon kerjasama YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan untuk mengemukakan maklumat yang diperlukan ke PTPK seperti yang berikut:-

Rujukan Kami : PTPK.BB.100-5/2 Jld 4 (17)

Tarikh : 31 Januari 2022

- i. Nama;
- ii. No. Kad Pengenalan;
- iii. Alamat Tetap;
- iv. Alamat surat-menyurat;
- v. No. telefon (rumah/ bimbit/ tempat kerja);
- vi. Alamat e-mel;
- vii. Nama majikan;
- viii. Alamat majikan;
- ix. No. telefon majikan/ pejabat;
- x. Alamat e-mel majikan;
- xi. Maklumat pekerjaan;
- xii. Maklumat gaji;
- xiii. Maklumat pendapatan isi rumah/ individu;
- xiv. Nama & Kod PL;
- xv. Program yang diikuti; dan
- xvi. Tarikh maklumat dikemas kini.

4. Perhatian YBhg. Datuk/ Dato/ Tuan/ Puan untuk mengemukakan maklumat di atas setiap tiga (3) bulan sekiranya terdapat pemgmaskinian maklumat yang diperlukan. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi Puan Mek Eshah Awang di talian 03-4047 6027 atau telefon bimbit 012-6365134 atau e-mel [ppd@ptpk.gov.my](mailto:ppd@ptpk.gov.my) atau Encik Md Shahrizal Ithnin di talian 034047 6040 atau e-mel [shahrizal@ptpk.gov.my](mailto:shahrizal@ptpk.gov.my) atau Puan Morine Johnson di talian 03-4047 6085 atau e-mel [morine@ptpk.gov.my](mailto:morine@ptpk.gov.my) . Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah diharapkan dan dihargai dan segala kerjasama yang diberikan didahului dengan ucapan terima kasih.


Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“Wawasan Kemakmuran Bersama 2030”**

**“Pembudayaan Norma Baharu dalam Dunia Pekerjaan Sejagat”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(MOHD FATHULLAH MUSTAFA)**

Ketua Eksekutif

Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran